



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2007**

---

**PINDAAN PERATURAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN  
PERUBATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan menambah baik peraturan berkaitan kemudahan rawatan perubatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) bagi membolehkan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka yang berkelayakan mendapat rawatan di IJNSB dengan rujukan daripada klinik/ hospital swasta.

**LATAR BELAKANG**

2. Peraturan dan tatacara pelaksanaan kemudahan rawatan perubatan percuma di IJNSB bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka yang berkelayakan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam "Panduan Mengenai Kemudahan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. Bagi Pelbagai

Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan” (selepas ini disebut sebagai “Panduan”) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 16 September 1997 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001.

3. Mengikut Panduan dan Pekeliling Perkhidmatan tersebut, pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka yang berkelayakan boleh memperolehi rawatan percuma di IJNSB sekiranya mereka dirujuk terlebih dahulu oleh Pakar Perubatan klinik/ hospital Kerajaan. Kerajaan telah bersetuju menambah baik peraturan ini dengan membolehkan juga rujukan oleh Pakar Perubatan Umum (*Physician*)/ Pakar Kardiologi dari klinik/ hospital swasta untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB.

#### **PINDAAN**

4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001 adalah dipinda seperti jadual berikut:

<b>Rujukan</b>	<b>Ayat Asal</b>	<b>Diganti Dengan Ayat Baru</b>
Perenggan 11 (ii) di muka surat 5	“dirujuk oleh Pakar Perubatan hospital Kerajaan ke IJNSB; dan”	“dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum ( <i>Physician</i> )/ Pakar Kardiologi dari klinik/ hospital Kerajaan atau swasta ke IJNSB; dan”
Perenggan 1 di muka surat 17 dalam Panduan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001)	“Rawatan percuma di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) adalah bagi anggota/ pesara yang telah diperiksa dan dirujuk oleh Pakar Perubatan hospital Kerajaan yang berdekatan dengan tempat tinggal.”	“Rawatan percuma di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) adalah bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka yang berkelayakan yang dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum ( <i>Physician</i> )/ Pakar Kardiologi dari klinik/ hospital Kerajaan atau swasta ke IJNSB.”

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2007.

## **PEMAKAIAN**

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

25 September 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan